



JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
DEPARTMENT OF FISHERIES  
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

SYARAT-SYARAT LESEN MEMPROSES IKAN (TUMBUHAN AKUATIK)  
DI BAWAH PERATURAN 8  
PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN (BANGUNAN MEMPROSES IKAN), 2002  
PERINTAH PERIKANAN, 2009  
CONDITIONS OF FISH PROCESSING LICENSE (AQUATIC PLANT)  
UNDER REGULATION 8  
FISHERIES (FISH PROCESSING ESTABLISHMENTS) REGULATIONS, 2002  
FISHERIES ORDER, 2009

1. Lesen memproses ikan (tumbuhan akuatik) ini adalah khusus bagi aktiviti yang secara langsung berhubungkait dengan perusahaan pemrosesan produk ikan (tumbuhan akuatik) di bangunan memproses ikan yang beralamat  
.....  
.....  
**This fish processing license (aquatic plant) is specific for activities directly related to authorised fish business only at the fish processing establishment whose address is**  
.....  
.....
2. Lesen ini tidak boleh digunakan untuk bangunan memproses ikan yang lain atau dijual, dipindahmilik atau diberikan manfaatnya kepada orang lain.  
**This license shall not be used for any other fish processing establishment, or sold, transferred or its benefit assigned to any other person.**
3. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesen ini di suatu tempat yang mudah dilihat di bangunan memproses ikan.  
**The licensee shall exhibit this license in a conspicuous place in the fish processing establishment.**
4. Pemegang lesen hendaklah melaksanakan suatu program jaminan kualiti yang dibenarkan sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah Perikanan.  
**The licensee shall implement an approved quality assurance program as the Director of Fisheries may determine.**
5. Pemegang lesen hendaklah mematuhi kehendak-kehendak "Manual of Brunei Darussalam on Hygiene Requirements for Fish Processing Establishments" yang relevan dengan pemrosesan tumbuhan akuatik.  
**The licensee shall comply with the "Manual of Brunei Darussalam on Hygiene Requirements for Fish Processing Establishments" relevant to processing aquatic plant.**
6. Pemegang lesen hendaklah memastikan setiap pekerja menjalani pemeriksaan kesihatan semasa ia mula-mula dilantik dan sekurang-kurangnya sekali setahun selepas itu dan disahkan sihat. Pekerja-pekerja mestilah bebas dari menghadapi sebarang penyakit berjangkit yang boleh mencemari produk yang diproses.  
**The licensee shall ensure that each employee undergoes a medical examination upon his appointment and at least once a year thereafter and is confirmed to be medically fit.**



**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
DEPARTMENT OF FISHERIES  
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM**

**Employees must be free from any communicable / infectious disease that may contaminate the processed product.**

7. Pemegang lesen hendaklah mematuhi setiap arahan bertulis dari Pengarah Perikanan yang berkaitan dengan pengawalan dan pengurusan bangunan memproses ikan yang dilesenkan termasuk menarik balik dan memberhentikan penjualan, pembekalan atau pengedaran produk yang dipercayai tercampur, tercemar atau tidak sesuai untuk penggunaan manusia.  
**The licensee shall comply with every written directive of the Director of Fisheries relating to the control and management of the licensed fish processing establishment, including withdrawal and discontinuation of the sale, supply or distribution of products believed to be adulterated, contaminated or otherwise unfit for human consumption.**
8. Pemegang lesen hendaklah mendapatkan tumbuhan akuatik untuk diproses dari sumber yang tidak melanggar Perintah Perikanan, 2009 atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.  
**The licensee shall obtain aquatic plant for processing from sources that do not contravene the Fisheries Order, 2009 or any other written law.**
9. Pemegang lesen hendaklah memastikan sebarang bahan atau barang atau sebarang proses yang digunakan adalah tidak bercanggah dengan 'Hukum Syara'.  
**The licensee shall ensure that any materials or ingredients or any process used are not in violation of 'Hukum Syara'.**
10. Pemegang lesen hendaklah memastikan anjing atau binatang peliharaan lain tidak dipelihara atau ditempatkan di dalam atau di kawasan bangunan memproses ikan.  
**The licensee shall ensure that dogs or other pets are not reared or kept in or within the surrounding area of the fish processing establishment.**
11. Pemegang lesen hendaklah membenarkan Pegawai Yang Diberikan Kuasa untuk memeriksa premis, kelengkapan, operasi, penyimpanan, bahan-bahan, ikan proses, rekod atau untuk mengambil sampel untuk dianalisa, atau sebarang maksud lain yang berkaitan untuk memastikan bahawa sebarang kehendak atau sebarang syarat yang dikenakan telah dipatuhi.  
**The licensee shall allow Authorised Officers to inspect the premises, equipment, operation, storage, materials, processed fish, records or to take samples for analysis, or any other relevant purposes to ensure that any requirements of, or any license conditions imposed have been complied with.**
12. Pemegang lesen hendaklah menyediakan dan menghantar dalam tempoh yang ditetapkan kepada Jabatan Perikanan laporan-laporan berikut :-  
**The licensee shall prepare and submit within the period stipulated by the Department of Fisheries the following reports:**



**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
DEPARTMENT OF FISHERIES  
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM**

- a. data pengeluaran bulanan bangunan memproses ikan pada setiap minggu pertama bulan berikutnya;  
**a monthly production data of the fish processing establishment within the first week of the following month;**
- b. laporan atau maklumat lain yang dikehendaki oleh Jabatan Perikanan.  
**any report or other information required by the Department of Fisheries.**

13. Pemegang lesen hendaklah mencatat rekod kegiatan harian bangunan memproses ikan bagi tujuan pemeriksaan oleh Pegawai-Pegawai Jabatan Perikanan.  
**The licensee shall keep a record of the daily activities of the fish processing establishment for the purpose of inspection by Fisheries Officers.**

Nota :-

**Note :-**

- "Tumbuhan akuatik" termasuk alga seperti rumpai laut, *spirulina* dan *chlorella*.  
**"Aquatic plant" includes algae such as seaweed, spirulina and chlorella.**
- Pengarah Perikanan berhak untuk menambah atau mengubah syarat-syarat ini mengikut keperluan dari masa ke semasa.  
**The Director of Fisheries shall have the right to add or vary the conditions of the licence as and when required.**
- Sebarang perubahan kepada syarat-syarat ini akan dimaklumkan dari masa ke semasa.  
**Any changes to these conditions shall be notified from time to time.**
- Bangunan memproses ikan itu hanya dibenarkan untuk beroperasi jika Pemegang Lesen telah mempunyai Lesen yang sah dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan.  
**The fish processing establishment is only permitted to operate if the Licensee has a valid license issued by the Department of Fisheries.**
- Lesen ini adalah sah mulai dari tarikh ianya dikeluarkan bagi tempoh satu (1) tahun.  
**This licence shall be valid from the date of issue for a period of one (1) year.**
- Permohonan bagi membaharui lesen ini boleh dihadapkan sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tarikh lesen itu mansuh  
**Application to renew this license may be submitted at least one (1) month prior to its expiration.**
- Lesen akan ditarik balik atau dibatalkan pada bila-bila masa jika didapati mana-mana peraturan atau undang-undang yang dikuatkuasakan tidak dipatuhi.  
**The license may be revoked or suspended at any time if there has been a breach of any of the conditions of the licence or any of the provisions of the Fisheries Order, 2009.**



**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
DEPARTMENT OF FISHERIES  
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM**

- Kegagalan mematuhi syarat-syarat lesen adalah merupakan satu kesalahan jenayah dan boleh diambil tindakan di bawah Perintah Perikanan, 2009 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda sehingga \$10,000 atau penjara satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.

**Failure to comply with the conditions of the licence is a criminal offence and action may be taken in accordance with the Fisheries Order, 2009 and upon conviction is liable to a fine not exceeding B\$10,000 or imprisonment of one (1) year or to both.**



**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
DEPARTMENT OF FISHERIES  
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM**

**Saya dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat yang tersebut di atas.  
*I hereby agree with the terms and conditions as stated above.***

Nama : \_\_\_\_\_  
**Name**

Jawatan : \_\_\_\_\_  
**Designation**

Syarikat dan Alamat : \_\_\_\_\_  
**Company and Address**


No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_  
**Identity card No.**

No. Telefon : \_\_\_\_\_ (pejabat) \_\_\_\_\_ (hp) \_\_\_\_\_ (faks)  
**Telephone No.** **(office)** **(mobile phone)** **(fax)**

Emel : \_\_\_\_\_  
**Email**

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
**Signature**

Tarikh : \_\_\_\_\_  
**Date**



=====

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT  
FOR ADMINISTRATIVE USE**

**Pegawai Yang Diberikuasa :  
Authorised Officer**

Nama : \_\_\_\_\_  
**Name**

Jawatan : \_\_\_\_\_  
**Designation**

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
**Signature**

Tarikh : \_\_\_\_\_  
**Date**

